



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

KERATAN AKHBAR 08 JULAI 2019 (ISNIN)



DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT



KERATAN AKHBAR 08 JULAI 2019 (ISNIN)



| | |
|--------------|---|
| AKHBAR | Berita Harian |
| TAJUK BERITA | Taman Botani Negara Shah Alam dibuka semula |
| MUKA SURAT | 69 |

Taman Botani Negara Shah Alam dibuka semula

Shah Alam: Selepas empat bulan ditutup berikutan kerosakan teruk akibat dilanda ribut, Taman Botani Negara Shah Alam (TBNSA) dibuka semula kepada orang awam bermula semalam.

Bagaimanapun, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salehuddin Hassan, berkata hanya Laluan A yang dibuka untuk dikunjungi.

"Ribut yang melanda pada 10 Mac lalu menyebabkan hampir 40 peratus kawasan taman termasuk fasiliti terjejas justeru kita mengambil masa untuk membuka kembali kepada pengunjung.

"Bagaimanapun, hanya Laluan A yang dibuka ketika ini, manakala laluan B dan C masih dalam proses pembersihan dan pemulihan," katanya pada sidang media pembukaan semula dan aktiviti Fun Run TBNSA, di sini semalam.

Yang turut hadir, adalah Pengarah TBNSA, Ismail Muhamed.


Salehuddin berkata, taman berkenaan dibuka lebih awal walaupun kerja pembersihan dan pemulihan belum selesai sepenuhnya kerana ia mendapat sambutan menggalakkan pengunjung dari sekitar Lembah Klang.

Katanya, TBNSA menjadi tarikan untuk aktiviti riadah kerana tidak banyak taman semulajadi sepertinya di sekitar Lembah Klang.

"Antara tarikan utama taman ini adalah rumah empat musim dan ia juga turut terjejas ketika kejadian ribut itu. Bagaimanapun kita akan memastikan ia boleh dibuka kepada pengunjung pada Disember ini untuk musim sejuk," katanya.

Beliau berkata, Laluan A dibuka terlebih dahulu kerana ia adalah laluan tarikan untuk aktiviti riadah keluarga seperti taman rempah ratus serta laman padi manakala Laluan B dan C pula adalah laluan mencabar yang menjadi pilihan penunggang basikal.

Sementara itu, Salehuddin berkata, pada tahun lalu, kira-kira 38,000 pelawat berkunjung ke taman itu.

**Hanya Laluan A yang dibuka ketika ini, manakala laluan B dan C masih dalam proses pembersihan dan pemulihan.**

Salehuddin Hassan,
Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani



KERATAN AKHBAR 08 JULAI 2019 (ISNIN)



| | |
|--------------|---|
| AKHBAR | UTUSAN MALAYSIA |
| TAJUK BERITA | Sesi pendengaran Draf Rancangan Tempatan Kuala Langat |
| MUKA SURAT | 47 |

Sesi pendengaran Draf Rancangan Tempatan Kuala Langat

KUALA LUMPUR 7 Julai - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) mempelawa orang ramai menghadiri Publisiti Awam Draf Rancangan Tempatan Kuala Langat (Pengubahan 1) 2030 yang akan diadakan di Ruang Legar MDKL sepanjang bulan ini.

Yang Dipertua MDKL, Mohamad Zain A. Hamid berkata, orang ramai khususnya penduduk atau individu yang mempunyai kepentingan di daerah ini dijemput hadir untuk meneliti setiap perancangan yang dibentangkan.

Beliau berkata, sesi pendengaran awam itu akan di-

adakan, bermula pukul 9 pagi hingga 4 petang setiap hari.

"Usaha ini adalah untuk memastikan semua pihak mengetahui setiap perancangan dan pembangunan yang akan dijalankan di daerah ini.

"Perancangan ini juga amat penting bagi memastikan penduduk di daerah ini menikmati kehidupan yang lebih lestari," katanya.

Sebarang pertanyaan boleh hubungi Mohd. Nor Akmal Abdul Hamid di talian 03-3187 2825 sambungan 129 (waktu pejabat) atau terus berjumpa dengan urus setia yang bertugas di MDKL.

PROGRAM PUBLISITI AWAM DRAF RANCANGAN TEMPATAN KUALA LANGAT (PENGUBAHAN 1) 2030 "KEPRIHATINAN ANDA MATLAMAT KAMI"

Tarikh : 1 Julai 2019 Hingga 31 Julai 2019
Masa : 9.00 Pagi - 4.00 Petang (Waktu Pejabat)
Tempat : Ruang Legar Majlis Daerah Kuala Langat



MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
PENGUBAHAN RANCANGAN DRAF RANCANGAN TEMPATAN KUALA LANGAT (PENGUBAHAN 1) 2030
Tali : 03-31872825 / 03-31872732 / 03-31870957
Faksimili : 03-31872828
Email : majlis@mdkl.gov.my
Website : www.mdkl.gov.my



ORANG ramai khususnya penduduk di daerah Kuala Langat dijemput hadir untuk meneliti setiap perancangan pembangunan menjelang 2030 di Ruang Legar MDKL bermula pukul 9 pagi hingga 4 petang, sepanjang Julai ini.



KERATAN AKHBAR 08 JULAI 2019 (ISNIN)



| | |
|--------------|--------------------|
| AKHBAR | STAR METRO |
| TAJUK BERITA | MPAJ cycling event |
| MUKA SURAT | 2 |

MPAJ CYCLING EVENT

Ampang Jaya Municipal Council is having a cycling event in conjunction with National Day on Aug 24, from 10am to 4pm, at Padang Perbandaran in Pandan Indah, Selangor. Open to those between 13 and 65 years old. Registration fee is RM25. Cycling route is 13km. There will be lucky draws and also prizes for best dressed. Registration form is available at www.mpaj.gov.my and for details, call 019-221 4036 (Az), 017-820 4448 (Asyraf) or email programbml@gmail.com

| | |
|---------------------|--|
| AKHBAR | STAR METRO |
| TAJUK BERITA | Mounds of rubbish litter Sepang's scenic spot |
| MUKA SURAT | 2 |

Mounds of rubbish litter Sepang's scenic spot

KDEB says clean-up may cost as much as RM30,000 and takes about one week

Story and photos by GRACE CHEN
gracechen@thestar.com.my

FRINGED by green palm trees and caressed by a constant gentle breeze, a lake near Kampung Baru Sepang in Sungai Pelek, Selangor, has all the makings of a recreational area.

But any hope for this is dashed now as illegal rubbish dumping has turned this scenic spot into an eyesore.

"It is heartbreaking," said Sepang and Sungai Pelek Federation of Temple Associations and Organisations chairman Joshua Tee of the rubbish pollution.

Pointing to a short brick road and two sets of cement tables and benches amid the overgrown grass, Tee noted this would have been an ideal site for lakeside picnics except for the mounds of rubbish cluttering the shoreline and water surface.

"There is a foul smell coming from the water which has turned black.

"Based on the tyre tracks leading up to the lake, we suspect tippers have been coming here to dump rubbish regularly," he said.

Tee was alerted to ongoing fly tipping activities at the site by an anonymous informant.

Though the dumping is taking place on private agricultural land, the people are concerned as to what type of waste is being thrown into the lake and the surrounding vicinity.

With residents already grappling with the existence of a plastic processing factory in their neighbourhood, Tee said the last thing they needed was an illegal dumpsite "in their backyard."

"We can see plantation waste, construction debris, used car spare parts, old clothes and domestic waste on the land.

"But who knows what is being dumped into the water?" he pointed out.

Though the lake is nameless, Kampung Baru Sepang chief Tai Choo Sing said locals



One landowner has built a low wall of earth to stop illegal dumpers from trespassing the land in Sungai Pelek.

had known of its existence for some time.

"The lake resulted from a nearby factory's brick-making activity. A lot of clay has been dug up to make bricks, so the lake is very deep," he said.

As the illegal dumping activity was taking place on private land, he advised the landowners to make a police report so that authorities could take action.

A check with Sepang Land and District Office reveals the man-made lake is divided into three different lots and six individuals have been named as owners.

When contacted and shown the latest pictures of current conditions, one of the land-

owners expressed shock and anger as the presence of rubbish would no doubt have a devaluing effect on his property.

He said the culprit was taking advantage of the owners' absence, such as himself who had only visited the property once in three years.

"The last time we came, there were anglers and a dragon fruit farm nearby. It did not look deserted then.

"We put up a metal fence to cordon off the area but the railings have since been stolen because no one is keeping an eye on the place," he added.


In giving estimates for clean-up opera-



KERATAN AKHBAR 08 JULAI 2019 (ISNIN)



| | |
|--------------|---|
| AKHBAR | STAR METRO |
| TAJUK BERITA | Mounds of rubbish litter Sepang's scenic spot |
| MUKA SURAT | 3 |



This awful sight of rubbish at the water edge has villagers nearby worried about the unseen waste in the lake.



Ramli estimates 15 to 20 tonnes of rubbish at the site based on what he can see.



Tai suggests the landowners make a police report so that authorities can take action against the culprits of illegal dumping.

“It is the responsibility of landowners to safeguard the boundaries and interests of their land. On the issue of rubbish dumping here, PTD Sepang will carry out its own investigation.

Firdaus Azwan Omar

tions, KDEB Waste Management managing director Ramli Mohd Tahir said the process would require heavy machinery in the form of backhoes and boats to clear the visible rubbish.

He said clean-up time might take a week and cost up to RM30,000, including tipping fees for the rubbish to be disposed of in landfills.

He said there looked to be roughly 15 to 20 tonnes of rubbish.

“These numbers are based only on the surface rubbish.

“It may be more because we do not know

how deep the lake is,” said Ramli.

A check with Sepang District Land Office (PTD Sepang) revealed the man-made lake was part of a cluster of private land lots registered as Lot 727, Lot 255 and Lot 447 under the Sepang district.

In a written reply, PTD Sepang Land Management Division technical and enforcement unit assistant district officer Firdaus Azwan Omar said it was the responsibility of landowners to safeguard the boundaries and interests of their land.

On complaints of rubbish dumping here by residents, PTD Sepang said it would carry out its own investigation with the landowners to obtain clarification on the illegal dumping activities at the site before taking further action.

Firdaus said ultimately, the landowners would have to clear the rubbish.

In addition, he said, they might be subjected to action by other government agencies such as MPSepang and Environment Department in accordance with the provisions of the law.

“If the landowners themselves are guilty of the dumping, action will be taken against them under Section 125 of the National Land Code 1965 for breach of conditions.

“If the landowner fails to restore the land, his land will be forfeited under Section 130 of the same act,” he added.



KERATAN AKHBAR 08 JULAI 2019 (ISNIN)



| | |
|--------------|----------------------------------|
| AKHBAR | STAR METRO |
| TAJUK BERITA | Public can apply for OKU parking |
| MUKA SURAT | 4 |

Public can apply for OKU parking

Requests can be made to Petaling Jaya City Council on a case-by-case basis

By IKHWAN RAIFUDIN
metro@thestar.com.my

THE public can submit applications to Petaling Jaya City Council (MBPJ) to apply for parking bays for the disabled (OKU) in commercial or public areas in the city that need such facilities.

According to MBPJ's guidelines, it needs to allocate 2% of overall parking bays for people with disabilities, said Bandar Utama assemblyman Jamaliah Jamaluddin at a press conference after opening two new parking bays for the disabled near Kurnia Dialysis Centre in Kampung Sungai Kayu Ara.

In submitting a request for the designated parking bays, she said the applicant would have to write an official letter to MBPJ's Planning and Development Department with details such as justification of usage, photos of the proposed area and detailed information about the applicant.

Upon receiving the request, the department will conduct a site visit with its universal design team to audit and decide if there is really a need for new or additional parking facilities for the disabled.

"The site visit is for the final approval to justify and confirm the request.

"The application will be processed by the department's Sustainable Development section," said Jamaliah, adding that her office had assisted with the application for OKU parking bays and ramp near Klinik Ronnie in Taman Megah.

Jamaliah said priority would be given to clinics, dialysis centres and areas where there were many NGOs with visitors who had disabilities.

"However, the council will review the situation in that local



A patient using the OKU parking bay near Kurnia Dialysis Centre in Kampung Sungai Kayu Ara, Petaling Jaya.

area and consider the applications based on the local community's needs.

"My office has received complaints from the public about the lack of OKU parking bays, but what people don't know is that they can submit their requests directly to MBPJ if need be."

According to MBPJ, people who use OKU parking bays must have the OKU sticker displayed on their vehicles.

"The disabled person or their caregiver can apply for it free at MBPJ."

"The applicant must bring along the OKU card issued by the Social Welfare Department (JKM)," said a MBPJ spokesman, adding that

the application could be done at the council's Community Welfare Department at Level 7, Menara MBPJ in Jalan Yong Shook Lin.

MBPJ provides three OKU transit vans to ferry people with disabilities who do not have their own transportation.

The vans equipped with hydraulic lifts are available from 8am to 5pm on weekdays.

Bookings can be made by calling 03-7956 0203 / 0206.

Jamaliah urged the public to not abuse the OKU parking bays, failing which MBPJ would carry out enforcement action, where the culprits can be fined RM100 under MBPJ's parking by-law.



Jamaliah (left) showing the OKU sticker that is required for people to use parking bays for the disabled. With her is MBPJ City Planning assistant officer Nor Hanafiah Abdullah.

| | |
|--------------|---|
| AKHBAR | METRO |
| TAJUK BERITA | Taman Botani Negara Shah Alam dibuka semula |
| MUKA SURAT | 3 |



MOHD Sallehuddin (tengah) bersama peserta pada Program Taman Botani Shah Alam Fun Run 2019, semalam.

Taman Botani Negara Shah Alam dibuka semula

Shah Alam: Taman Botani Negara Shah Alam (TBNSA) dibuka semula kepada orang awam selepas hampir empat bulan ditutup berikutan kerosakan teruk selepas dilanda ribut, Mac lalu.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Mohd Sallehuddin Hassan berkata, bagaimanapun taman berkenaan yang mula dibuka pada 25 Jun lalu hanya membenarkan laluan A untuk dikunjungi.

"Ribut taufan yang melanda pada 10 Mac lalu menyebabkan hampir 40 peratus kawasan taman termasuk fasilitinya terjejas. Justeru kita mengambil masa untuk membuka kembali kepada pengunjung."

"Bagaimanapun, hanya laluan A yang dibuka buat masa ini manakala laluan B dan C masih dalam proses pem-

bersihan dan pemulihan," katanya dalam sidang media pembukaan semula dan aktiviti *Fun Run* TBNSA di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah TBNSA, Ismail Muhamed.

Beliau berkata, taman itu terpaksa dibuka lebih awal walaupun kerja pembersihan dan pemulihan belum selesai sepenuhnya.

"Ia kerana kawasan itu mendapat sambutan menggalakkan daripada pengunjung sekitar Lembah Klang," katanya.

Katanya, TBNSA menjadi tarikan untuk aktiviti riadah kerana tidak banyak taman semula jadi sepertinya di sekitar Lembah Klang.

"Antara tarikan utama taman ini adalah rumah empat musim dan ia turut terjejas ketika ribut lalu.

"Bagaimanapun, kita akan memastikan ia boleh dibuka

kepada pengunjung pada Disember ini untuk musim sejuk," katanya.

Sallehuddin berkata, laluan A dibuka terlebih dulu kerana ia adalah laluan tarikan untuk aktiviti riadah keluarga seperti taman rempah ratus serta laman padi manakala laluan B dan C pula adalah laluan mencabar yang menjadi pilihan penunggang basikal.

"Pembersihan sudah hampir siap di dua laluan B dan C tetapi kita masih belum mengeluarkan kayu balak yang tumbang. Selain itu, kita juga akan menanam semula pokok hutan yang tumbang dan mungkin akan meminta Jabatan Perhutanan menyediakan pokok-pokok pada spesies unik," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, tahun lalu kira-kira 38,000 orang berkunjung ke taman berkenaan.



KERATAN AKHBAR 08 JULAI 2019 (ISNIN)



| | |
|--------------|---|
| AKHBAR | METRO |
| TAJUK BERITA | Tukar sampah untuk bayar caj selenggara |
| MUKA SURAT | 24 |



HANIZA melancarkan Program Duplikasi K-Inovasi bersama penduduk pangsapuri Desa Sepakat, Taman Sri Manja, semalam.

Petaling Jaya

Tukar sampah untuk bayar caj selenggara

Kerajaan Selangor memperkenalkan sistem kupon barangan kitar semula kepada penduduk di kawasan perumahan berstrata terutama pangsapuri kos rendah.

Program Kitar Strata yang dikendalikan Badan Pengurusan Bersama (JMB) itu memberi peluang kepada penduduk menghantar barangan kitar semula mereka ke pusat pengumpulan untuk ditukarkan kepada kupon.

Kupon itu kemudian digunakan untuk pembayaran caj selenggara unit penghuni sekali gus mengatasi masalah pengurusan sampah di kawasan perumahan berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Kehidupan Bandar negeri Haniza Talha berkata, sebanyak 20 pangsapuri dikenal pasti pihaknya sebagai perintis bagi program berkenaan.

“Idea itu tercetus hasil pelaksanaan oleh pengurusan Pangsapuri Kenanga, Gombak Setia yang mengasingkan sampah dengan barangan kitar semula sejak beberapa tahun lalu.

“Melihat keberkesanan sistem itu, kita memutuskan untuk turut melaksanakannya dengan memilih 20 pangsapuri di sekitar Ampang, Petaling Jaya, Shah Alam dan Gombak sebagai perintis program K-Inovasi ini,” katanya ketika ditemui selepas melancarkan yang Program Duplikasi K-Inovasi di Pangsapuri Desa Sepakat, Taman Sri Manja di sini, semalam.



KERATAN AKHBAR 08 JULAI 2019 (ISNIN)



| | |
|--------------|--|
| AKHBAR | KOSMO! |
| TAJUK BERITA | PKNS sedia dana galak warga sambung pelajaran ke IPT |
| MUKA SURAT | 17 |

PKNS sedia dana galak warga kerja sambung pelajaran ke IPT

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) komited menjayakan agenda memperkasa modal insan dengan menyediakan pembiayaan pendidikan untuk warga kerja termasuk anak kakitangan yang ingin menyambung pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT).

Ketua Pegawai Eksekutif PKNS, Datuk Mohd. Azizi Mohd. Zain berkata, sejak tahun 2012 sehingga kini, PKNS dengan kerjasama Akademi PKNS Sdn. Bhd., sudah membiayai kos pendidikan seramai 139 anggota membabitkan kos lebih RM2 juta.

Selain itu, Tabung Pendidikan Anak-Anak Syarikat dan Badan Berkanun Kerajaan Negeri Selangor (TPASBB) menyumbang RM5 juta untuk membiayai kos pendidikan 139 kakitangan termasuk anak mereka sejak tahun



MOHD. AZIZI (tengah) beramah mesra bersama penerima-penerima anugerah pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang 2018 Ibu Pejabat PKNS, Shah Alam baru-baru ini.

2011.

"Inisiatif ini diambil bagi memastikan warga kerja terus berdaya saing meningkatkan

potensi diri menerusi kelayakan akademik, selain membantu mengurangkan beban perbelanjaan pendidikan anak kakita-

ngan.

"PKNS komited untuk melatih dan membangunkan pekerja di semua peringkat kerana kami mahu mereka kaya dengan kemahiran serta pengetahuan, sekali gus boleh menyumbang ke arah meningkatkan daya saing organisasi," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Tahun 2018 di Bangunan Ibu Pejabat PKNS di Seksyen 14 di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, PKNS sentiasa menyokong inisiatif bagi meningkatkan kemampuan modal insan khususnya kepada anak-anak dan anggota untuk menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Dalam pada itu, mengulas mengenai program tersebut, Mohd. Azizi berkata, ia adalah antara acara tradisi yang diada-

kan setiap tahun khususnya untuk meraikan kejayaan kakitangan dan anak-anak kakitangan dalam peperiksaan yang diambil di setiap peringkat.

"Seramai 97 anak-anak ahli termasuk anak syarikat dan 21 kakitangan PKNS diraikan. Daripada jumlah itu, 16 penerima daripada calon Penilaian Sekolah Rendah Agama/Ujian Pencapaian Sekolah Rendah, Petaksiran Tingkatan 3 (4 orang), Sijil Pelajaran Malaysia (18 orang) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (3 orang).

"Selain itu, turut diraikan 15 penerima diploma, 19 penerima ijazah dan seorang pelajar yang berjaya tamat hafazan 30 juzuk al-Quran manakala seramai 13 kakitangan menerima ijazah dan lapan orang ijazah sarjana," katanya.



KERATAN AKHBAR 08 JULAI 2019 (ISNIN)



| | |
|--------------|----------------------------------|
| AKHBAR | SINAR HARIAN |
| TAJUK BERITA | 'Kita sudah lama isytihar harta' |
| MUKA SURAT | 33 |

'Kita sudah lama isytihar harta'

Amalan sudah dipraktik di Selangor

SHAH ALAM

Selangor sudah lama mempraktikkan amalan mewajibkan pimpinan negeri itu agar mengisytiharkan harta.

Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, konsep mengisytiharkan harta itu sangat dekat dengan ketulusan pentadbiran sekali gus dituntut Islam.

"Amalan mengisytihar harta mencerminkan ke-

bertanggungjawaban pemimpin selain rakyat mempunyai hak untuk melihat sejauh mana kejujuran pemimpin.

"Islam menjamin hak untuk rakyat mengetahui dan melihat pemimpin itu adakah menjalankan amanah dan melaksanakan tugas dengan baik ataupun mengambil kesempatan daripada peluang yang diberikan," katanya semalam.

Beliau berkata, ketelusan pemimpin Islam dahulu seperti di bawah pentadbiran Saidina Umar Al Khattab apabila menguruskan harta rampasan perang.

"Kisah Saidina Umar Al

Khattab yang ditanya tentang jubahnya sedikit panjang daripada selayaknya yang diperoleh sewaktu menyampaikan khutbah kerana kain yang mereka peroleh hasil daripada rampasan perang sepatutnya tidak panjang

sedemikian rupa.

"Inilah bagaimana sikap Umar tidak marah, sebaliknya beliau menjelaskan bahawa kainnya itu lebih kerana dia menggunakan kain yang dimiliki oleh anak beliau iaitu Abdullah Umar yang turut berperang dan mendapat harta rampasan perang," katanya.



AMIRUDIN



KERATAN AKHBAR 08 JULAI 2019 (ISNIN)



| | |
|--------------|----------------------------|
| AKHBAR | SINAR HARIAN |
| TAJUK BERITA | Ahmad Yunus ganti Sallehen |
| MUKA SURAT | 33 |

Ahmad Yunus ganti Sallehen



SHAH ALAM - Pas mengumumkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sijanggang, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi sebagai Pesuruhjaya Pas Selangor yang baharu menggantikan Sallehen Mukhyi.

Ahmad Yunus dilantik pada Mesyuarat Jawatankuasa Pas Pusat yang bersidang kelmarin.

Pas menerusi satu kenyataan media berkata, keputusan itu turut melibatkan pelantikan Pesuruhjaya Pas di negeri-negeri dan Wilayah Persekutuan bagi penggal 2019-2021 berkuatkuasa pada tarikh lantikan iaitu 6 Julai 2019.

Ahmad Yunus sebelum ini ialah Timbalan Pesuruhjaya Pas Selangor 1 pada penggal lepas.



KERATAN AKHBAR 08 JULAI 2019 (ISNIN)



| | |
|--------------|----------------------------|
| AKHBAR | SINAR HARIAN |
| TAJUK BERITA | Tangani isu had umur belia |
| MUKA SURAT | 34 |

Tangani isu had umur belia

SHAH ALAM - Kerajaan negeri dan Persekutuan secara bersama dicadang menyelesaikan isu had umur belia yang diturunkan daripada 40 kepada had maksimum 30 tahun di negara ini.

Pengarah Biro Pembangunan Sumber Manusia Pemuda Amanah Selangor, Muhammad Nabil Norhalim berkata, takrifan had umur belia perlu diselaraskan secara bersama dan tidak boleh dibuat secara bersendirian.

“Apa yang diputuskan di peringkat tertinggi mestilah terpakai di setiap lapisan dan seluruh bidang kuasa di bawahnya kerana kuasa tersebut merubah segala-galanya di peringkat bawahan

“Ketidakteraturan ini hanya memanjangkan permasalahan yang tidak ada kesudahan,” katanya dalam satu kenyataan semalam.